

## Acara Komuniti

### "Be An Angel With Tan Sri Michelle Yeoh"

KUALA LUMPUR, 18<sup>th</sup> October 2013 – EMPOWERED – The Cancer Advocacy Society of Malaysia mengadakan majlis makan amalnya yang ketiga, ‘Be an Angel with Tan Sri Michelle Yeoh’ di Elegance Club Sdn. Bhd., Jalan Maarof, Bangsar, Kuala Lumpur.

EMPOWERED adalah satu organisasi bukan berdasarkan keuntungan dan dikecualikan daripada cukai yang berkomited kepada penyelamatan hidup, mengelakkan barah dan menghapuskan penderitaan di kalangan orang-orang kurang mampu di Malaysia. Sejak penubuhannya pada 2009, EMPOWERED telah secara berkesan memobilisasikan pakar barah perubatan, usaha-usaha kumpulan sukarelawan yang besar dan pembentukan dana untuk melaksanakan program barah secara besar-besaran pada tahap akhir umum di komuniti yang padat dengan penduduk serta kurang mampu.

Usaha-usaha EMPOWERED yang tidak berhenti-henti telah mencapai lebih daripada 55,000 rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dan ramai yang telah diselamatkan melalui pengesanan barah yang awal. Majlis makan malam amal ini diadakan untuk menyokong dua kempen kesedaran dan saringan barah yang besar yang ditujukan kepada komuniti-komuniti kurang mampu Malaysia pada tahun 2014. Kempen ini disokong oleh A Next Star Production Sdn. Bhd bersama Elegance Club Sdn Bhd. sebagai penaja utama.

Majlis ini diserikan dengan hadirat seorang selebriti antarabangsa dan kebanggaan Malaysia, iaitu, Y. Bhg Tan Sri Michelle Yeoh. Dalam suasana muzik jazz serta koktel, disertai dengan pemandangan matahari terbenam, para tetamu di hampiri oleh model-malaikat dari Runway Inc untuk menggalakkan jualan barang lelongan yang unik.

Suasana yang seronok itu dihangatkan apabila 5 barang teratas dilelongkan kepada para tetamu yang bersemangat. Barang-barangan itu dijual kepada para tetamu yang membida pada harga yang menggalakkan. Untuk mengakui aksi pemberian penderma yang begitu bermurah hati dan yang terbesar, Tan Sri Michelle Yeoh menganugerahkan ‘Angel of the Night’ dengan satu memorabilia untuk menandakan saat yang istimewa itu.

Dr. Christina Ng, Presiden dan Pengasas EMPOWERED yang berasa tersentuh oleh sokongan secara besar-besaran dari para tetamu, mengucapkan rasa syukurnya kepada semua 80 orang para tetamu di majlis makan malam amal itu.

“Pengumpulan dana selalunya merupakan satu bahagian yang begitu mencabar dalam misi EMPOWERED untuk melakukan satu perbezaan dalam kehidupan orang-orang Malaysia yang kurang mampu. Walaubagaimanapun, kami telah begitu diberkati dengan semangat murah hati dikalangan orang-orang Malaysia. ‘Be an Angel with Tan Sri Michelle Yeoh’ sudah pasti adalah satu pencapaian yang bermakna bagi EMPOWERED. Adalah visi kami untuk menjangkau sebanyak mana komuniti-komuniti kurang mampu di Malaysia, walaupun kami dikekang oleh dana dan sumber yang terhad.

Kami dengan rendah hati merayu kepada orang-orang awam di Malaysia untuk menyertai misi kami dalam menjangkau komuniti-komuniti kurang mampu dengan menyumbangkan dana atau barang dengan murah hati kepada EMPOWERED. Sumbangan anda akan membolehkan kami untuk melayani mereka melalui kesedaran, saringan, rawatan barah dan projek-projek jangkauan. Marilah kita selamatkan lebih ramai nyawa dari barah!” kata Dr. Christina Ng.

Dalam ucapan teksnya kepada para tetamu, tetamu kehormat kami, Y. Bhg Tan Sri Michelle Yeoh menggesa semua orang untuk menderma secara murah hati kepada kerja-kerja amal EMPOWERED yang murni dalam menyelamatkan nyawa. Beliau mengukuhkan sentimen Dr. Ng dengan menambah, “Jagaan kesihatan sepatutnya diberi secara patut kepada semua rakyat di dalam komuniti kita. Saya begitu kagum dengan kerja keselamatan nyawa yang EMPOWERED sudah lakukan sejak beberapa kebelakangan tahun ini dalam membawa kesedaran barah dan melakukan bengkel saringan dan rawatan untuk komuniti-komuniti kurang mampu di Malaysia.

Sokongan orang awam, sama ada dari individu atau korporat adalah penting dalam pencapaian misi EMPOWERED. Sebagai orang Malaysia, kita patut bekerjasama menjadikan negara kita satu tempat yang lebih sihat dan baik!”

Majlis makan malam amal ini diadakan di butik konsep ikonik baru yang juga merupakan ibu pejabat kumpulan syarikat Elegance Club Sdn. Bhd. Selain dari menaja tempat acara, Y. Bhg Datuk Tracy Ong menaja satu set anting-anting emas putih jed dan berlian dari koleksi ekspresi seni Elegance Club yang merupakan barang lelongan yang termahal pada majlis makan malam amal itu. Y. Bhg Tan Sri Michelle Yeoh juga memberikan sokongannya dengan menyumbangkan salah satu dari jam tangannya, iaitu jam Jacob & Co. yang indah yang ditandatangani oleh beliau semasa lelongan sebelum ia diberi kepada pembida yang tertinggi.

Poh Kong Holdings Berhad juga merupakan salah satu penaja melalui derma mereka iaitu satu set rantai emas dengan sekeping jed dan loket berlian untuk acara lelongan itu.

Antara 5 barang lelongan tertinggi merupakan dua ‘Pakej buku My Journal’. ‘My Journal’ adalah satu bantuan pendidikan barah yang penuh dengan pengetahuan, sumber dan bersifat terapeutik bagi semua pesakit. Buku pendidikan ini adalah sangat membantu kepada pesakit-pesakit barah yang baru di kesani dengan barah kerana ianya membantu mereka dalam perjalanan perubatan barah mereka dan mengandungi maklumat yang mudah dan penting tentang ujian-ujian dan rawatan-rawatan barah.

‘My Journal’ adalah ilham Dr. Christina Ng yang dirangsangkan melalui pengalamannya apabila bekerja bersama pesakit barah semasa bertugas di University Malaya Medical Centre. Buku-buku yang di lelongkan pada acara ini akan di dermakan kepada pesakit-pesakit barah di Hospital Tuanku Ja’afar, Seremban and Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, bersempena dengan ‘Kempen My Journal Book’ oleh Empowered.

Pembida pakej-pakej ini diberi secara percuma, satu forum barah paru-paru, dengan setiap forum di jalankan oleh pakar-pakar perubatan sukarelawan EMPOWERED.

Y. Bhg Datuk Tracy Ong, Pengasas and Pengarah Urusan kumpulan syarikat Elegance Club adalah seorang penyokong kuat dalam membantu komuniti-komuniti kurang mampu di Malaysia. Dalam hal ini, beliau memastikan pemberian balik korporat dari syarikatnya adalah bekalan untuk membantu organisasi-organisasi sukarelawan yang akan menjamah kehidupan orang-orang Malaysia yang kurang mampu seperti EMPOWERED.

Beliau berharap penajaan acara ini akan membantu EMPOWERED menjangkau lebih ramai lagi orang-orang Malaysia yang kurang mampu dan secara tidak langsung meningkatkan kesedaran tentang barah di dalam negara ini.

Majlis makan malam amal itu di sokong dengan baik oleh sekumpulan penderma dan penaja, yang menderma dengan murah hati produk, perkhidmatan dan barang mereka. Para penaja lain adalah termasuk Abey Rugs, Asia Euro Wines & Spirits Sdn. Bhd., Broadway Academy (M) Sdn. Bhd., Chinoz Sdn. Bhd., Cuffz Sdn. Bhd., Esplanade Avenue Sdn. Bhd. for Annick Goutal, Hospitality Asia, Image Photography, La Scala, Luen Heng F & B Sdn. Bhd., Nasim Carpets, Oriental Group of Restaurants, Royal Selangor International, RS Photography, Runway Inc. Modelling, Snap Productions Sdn. Bhd., Switchbox Developments (M) Sdn. Bhd., Unika Borneo & 3s Beauty & Make-up Centre.

Para tetamu dalam acara amal itu dihiburi sepanjang malam oleh pemuzik-pemuzik dari Broadway Academy sambil menderma secara murah hati kepada kerja-kerja amal yang murni itu. Acara itu berakhir dengan para tetamu berasa puas hati dan gembira dalam mengetahui bahawa usaha-usaha mereka untuk memberi balik kepada masyarakat akan membantu orang-orang Malaysia yang kurang mampu melalui projek-projek EMPOWERED.

Untuk maklumat selanjutnya tentang EMPOWERED - The Cancer Advocacy Society of Malaysia, sila layari laman [www.empowered.org.my](http://www.empowered.org.my).

Sekiranya anda ingin menyumbangkan kepada misi EMPOWERED, sila hubungi [communications@empowered.org.my](mailto:communications@empowered.org.my) atau telefon kami di 03-7726 8806.